

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sama ada Kerajaan akan menubuhkan unit “*radiotherapy*” di Hospital SibU ataupun pusat kanser di Hospital SibU. Nyatakan kos untuk projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kos bagi menyediakan perkhidmatan yang komprehensif dan lengkap bagi perkhidmatan rawatan kanser adalah sangat tinggi dan memerlukan tenaga pakar terlatih serta anggota klinikal sokongan, termasuk penyediaan bangunan, peralatan dan dewan bedah. Walaubagaimanapun Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), sangat perihatin dengan masalah yang dihadapi oleh pesakit kanser di seluruh negara termasuk di negeri Sarawak.

2. Bagi memastikan perkhidmatan yang berkesan dan sumber-sumber dapat dioptimalkan maka perkhidmatan rawatan penyakit kanser dilaksanakan secara berpusat (*regional*) mengikut wilayah iaitu wilayah utara, tengah, selatan, timur, Sabah serta Sarawak. Bagi mengurangkan kesesakan wad di Hospital Umum Sarawak (HUS) dan **untuk menangani kesukaran pesakit berulang-alik mendapatkan rawatan chemotherapy, KKM menyediakan perkhidmatan ambulatori di Hospital SibU.** Pihak hospital juga menyediakan perkhidmatan tele-konsultasi.

SOALAN NO : 34

3. Terdapat 4 orang tenaga pakar Radioterapi dan Onkologi serta peralatan *Linear Accelerator (LINAC)*, *Treatment Planning System*, *Conventional Simulator*, *CT-Simulator* dan *Brachytherapy* di HUS. Kemudahan yang terdapat pada pusat ini mampu memberi perawatan yang terbaik di negeri Sarawak.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, **pada tahun 2015, KKM telah membelanjakan sejumlah RM85.82 juta bagi negeri Sarawak.** Daripada jumlah ini, sebanyak RM58.18 juta telah dibelanjakan untuk HUS bagi penggantian, naiktaraf serta perolehan peralatan baru termasuklah pembelian peralatan perubatan *Brainsuite* yang berharga RM27 juta bagi Jabatan Neurosurgeri dan *LINAC* berharga RM19.68 juta bagi Jabatan Radioterapi dan Onkologi. Bagi tahun 2020, Kementerian sedang dalam proses penilaian tender untuk penggantian *LINAC* di HUS dengan anggaran kos sejumlah RM18 juta.

Sekian, terima kasih.